

07/02/2001

Khalil akan beri taklimat hasil perbincangan dengan Pas

KUALA LUMPUR, Selasa - Jawatankuasa Teknikal Umno-Pas yang akan mengadakan mesyuarat pada Khamis ini berhubung agenda pertemuan perpaduan Melayu, dijangka mengemukakan laporan mengenai hasil perbincangan itu dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno Sabtu ini.

Sumber memberitahu Berita Harian, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob akan memberi taklimat mengenai hasil perbincangan dengan wakil Pas itu kepada ahli MT.

Mesyuarat MT yang akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), akan dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sumber itu berkata, oleh kerana Pas sebelum ini bertegas mahukan skop perbincangan itu diperluaskan merangkumi perpaduan nasional, maka perkara itu juga dijangka dikemukakan kepada MT.

Setiausaha Agung Pas, Nasharudin Mat Isa kelmarin berkata, pihaknya akan mencadangkan supaya skop perbincangan diperluaskan untuk merangkumi perpaduan nasional dalam mesyuarat peringkat jawatankuasa teknikal itu nanti.

Malah, Ahli Parlimen Yan itu berkata, pihaknya akan turut mencadangkan supaya pertemuan mengenai perpaduan Melayu disertai secara maksimum lima wakil daripada Umno dan Pas, masing-masing diketuai presiden parti iaitu Dr Mahathir dan Datuk Fadzil Noor.

Sumber itu berkata, dua perkara itu akan dibincangkan MT selepas menerima cadangan rasmi Pas melalui mesyuarat peringkat jawatankuasa teknikal Khamis ini.

Umno sebelum ini bertegas mahukan perbincangan itu ditumpukan kepada soal perpaduan Melayu meskipun Pas masih mahu isu itu dilebarkan.

Bagaimanapun, Abdullah baru-baru ini menyatakan tidak ada masalah untuk memperluaskan perbincangan itu kerana apa yang penting ialah jawatankuasa teknikal itu mengadakan pertemuan terlebih dulu.

"Mungkin Umno menjawab balik permintaan Pas itu selepas dibincangkan serta dipersetujui dalam MT. Jika ini berlaku, maka mesyuarat peringkat jawatankuasa teknikal akan diadakan sekali lagi.

"Jawatankuasa teknikal ini sebenarnya menjadi penghubung di antara Umno dan Pas bagi perbincangan perpaduan Melayu. Masing-masing akan membawa mandat daripada pucuk pimpinan," kata sumber itu.

Umno dan Pas sudah mengenal pasti empat wakil untuk mengadakan perbincangan peringkat jawatankuasa teknikal Khamis ini bagi menentukan agenda pertemuan perpaduan Melayu.

Jawatankuasa teknikal Pas diketuai Nasharudin dan tiga ahli jawatankuasa kerja Pas pusat iaitu Setiausaha Politik kepada ketua pembangkang, Dr Hatta Ramli; Pengarah Urusan Harakah, Datuk Hishamuddin Yahya dan Setiausaha Perhubungan Pas Pahang, Dr Abdul Wahab Ismail.

Umno pula diketuai Khalil tetapi tiga lagi wakilnya belum diumumkan secara rasmi.

(END)